

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 22.11.2021 MASA: 14.25

**MUKTAMAD**



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN VIDEO  
“SINGLE USE PLASTIC” PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH  
2021

## OLEH

YANG BERHORMAT TUAN PHEE BOON POH  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA ALAM SEKITAR DAN  
KEBAJIKAN**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**23 NOVEMBER 2021 (SELASA)**  
**8.45 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Kebajikan

Saudara WHIP Parti

**Encik David Marshel a/l Pakianathan**

**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**

**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Saudara Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Warga Kerja MBSP**

**Rakan-rakan Media**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video “*Single Use Plastic*” Peringkat Sekolah Menengah di Seberang Perai.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh kerana sudi melapangkan masa untuk hadir ke majlis ini dan seterusnya merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video “*Single Use Plastic*” Peringkat Sekolah Menengah.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Saudara WHIP Parti, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

*The U.N. Environment* melaporkan hanya sembilan peratus (9%) daripada sembilan bilion tan plastik dunia dikitar semula. Kebanyakan plastik akan berakhir di tapak pelupusan sampah, lautan, sungai dan badan air, serta alam sekitar.

Kajian menunjukkan kesan plastik terhadap bumi dan juga pada manusia. Plastik mengambil masa sehingga beribu-ribu tahun untuk mereput, malah plastik yang terurai dalam jangka masa panjang terurai menjadi kepingan plastik yang lebih kecil yang dipanggil mikroplastik. Plastik mencemarkan air dan tanah dan di satu peringkat akan berpindah masuk ke sel dan tisu haiwan, dan akhirnya memasuki rantai makanan manusia. Kajian pada tahun 2019 oleh *World Wide Fund for Nature* (WWF) menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat kedua di Asia sebagai pengguna plastik per kapita tahunan, iaitu 16.78kg setiap orang, Malaysia mengatasi negara yang jauh lebih besar termasuk China, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam berdasarkan keseluruhan sisa yang dihasilkan. Dengan lebih 1,300 pengeluar plastik, Malaysia juga merupakan salah satu industri pengeluaran plastik terbesar di dunia.

*The United Nations Environment Programme (UNEP)* menyatakan bahawa plastik sekali guna seperti beg runcit, bekas, botol dan straw minuman, sering dibuang dalam tahun ianya dikeluarkan dan dianggarkan terdapat 12,000 juta tan metrik sisa plastik di Bumi menjelang 2050 jika trend semasa dalam penggunaan plastik berterusan.

Walaupun jumlah kadar kitar semula di Malaysia meningkat setiap tahun, kadarnya masih agak rendah berbanding negara maju lain iaitu 28%. Isu ini diburukkan lagi dengan proses dan keupayaan kitar semula yang terhad di Malaysia.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pertandingan Video “Plastik Sekali Guna” Peringkat Sekolah Menengah Seberang Perai telah dilancarkan pada 28 April 2021 untuk menggalakkan generasi muda berkongsi idea dengan masyarakat di samping memupuk kesedaran tentang plastik sekali guna.

Pertandingan membuka minda serta menggalakkan pelajar agar berfikiran kritis terhadap penggunaan plastik sekali guna yang tidak terkawal di peringkat global dan peranan-peranan yang boleh dimainkan sebagai individu. Selain itu, ianya adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar tentang kepentingan pengurusan dan perlindungan sumber alam sekitar serta menyesuaikan gaya hidup yang melestarikan sumber semulajadi.

Pertandingan ini terbuka kepada semua sekolah menengah di Seberang Perai yang menyertai anugerah sekolah hijau. Setiap kumpulan murid-murid yang menyertai pertandingan ini hendaklah tidak melebihi lima (5) orang dan setiap sekolah hanya dibenarkan satu kumpulan sahaja. Tempoh video hendaklah tidak melebihi tiga (3) minit termasuk “*countdown* dan *ending credits*” dan saiz fail maksima video yang hendak dimuatkan adalah 500MB. Bahasa yang dibenarkan ialah Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Tempoh pengambilan video ialah mulai 10 Mei 2021 hingga 14 Jun 2021 dan video yang telah siap dikemukakan sebelum 15 Jun 2021.

Penggambaran video hendaklah mengandungi ciri-ciri impak penggunaan plastik sekali pakai (*single use plastic*); kaedah pengurangan;

dan larangan yang berjaya dilaksanakan di sekolah. Video perlu dimuat naik dalam video links kepada *penangpgc@gmail.com* mengangdungi maklumat Video URL, nama sekolah dan senarai nama murid-murid yang menyertai pertandingan ini, nama guru yang boleh dihubungi seperti number telefon bimbit dan e-mel dan tajuk video.

Pengambaran video hendaklah asal dan tidak menyalin dari lain punca. Pelanggaran hak cipta dan persendirian akan hilang kelayakan pertandingan. Video merupakan hak milik sekolah, walau bagaimanapun, MBSP berhak memapar video berkenaan di media sama ada tempatan atau antarabangsa.

Kriteria pemarkahan adalah isi kandungan (25%), kreativiti (25%), nilai pendidikan (25%) dan kemahiran (25%). Pertandingan ini julung kali diadakan di Seberang Perai dan Ahli Majlis MBSP, Puan Heng Yeh Shiuan telah sudi menyumbangkan hadiah-hadiah kemenangan untuk pertandingan. Syabas dan terima kasih Puan Heng Yeh Shiuan. Pertandingan ini telah mendapat 31 penyertaan dan juri-juri yang dilantik oleh Penang Green Council telah memilih pemenang-pemenang untuk menerima lima kategori (5) hadiah iaitu:-

- i. Johan: RM600.00 serta sijil penghargaan
- ii. Naib-johan: RM400.00 serta sijil penghargaan
- iii. Ketiga: RM300.00 serta sijil penghargaan
- iv. Sagu hati: RM100.00 (2 Hadiah) serta sijil penghargaan

Video-video yang berjaya akan diguna pakai oleh MBSP bagi tujuan pendidikan kepada murid-murid dan orang ramai bagi kempen mencegah pencemaran alam sekitar.

Saya mengucapkan TAHNIAH & SYABAS kepada pemenang-pemenang Pertandingan Video “*Single Use Plastic*” Peringkat Sekolah Menengah Seberang Perai yang akan menerima hadiah sebentar lagi. Memanglah adat pertandingan, semestinya ada pemenang dan ada yang tidak menang. Bagi yang tidak menang, Insya Allahkekalkan semangat dan cuba lagi pada masa akan datang. Apa yang penting di sini adalah pengalaman dan kesedaran yang telah diperolehi yang amat bermakna bagi setiap peserta.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Seberang Perai yang sentiasa menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Saya berharap usaha kelestarian hijau Seberang Perai menjadi kenyataan.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada penduduk Seberang Perai, organisasi-organisasi atau agensi kerajaan dan swasta adalah amat diperlukan oleh MBSP. Tanpa *Smart Partnership*, saya yakin hasrat untuk mencapai *Low Carbon City* dan *Smart City* pada tahun 2022 adalah sukar. Justeru, saya ingin menjemput dan mengalakkan lagi lebih banyak agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah bandaraya rendah karbon.

MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat Penang2030. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama

dengan MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha-usaha MBSP.

**Sekian,    *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,    Wassalamualaikum***  
***Warahmatullahi Wabarakatuh***

**Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You**